

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 JUN 2016 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	More seismic station on Mt Kinabalu by year end	The Star
2.	Sila jual produk anda	Utusan Malaysia
3.	Kerjasama penyelidikan Malaysia-Perancis	Utusan Malaysia

More seismic stations on Mt Kinabalu by year end

KOTA KINABALU: Five seismic stations will be installed on Mount Kinabalu by year end as part of a move to improve earthquake monitoring activities in the state.

These will be among the 15 new seismic stations to be installed at various parts of Sabah, said **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Tangau.**

Among the locations were Kota Belud, Tamparuli, Kota Marudu on the west coast, Tenom district in the interior, and Lahad Datu, Beluran and Kinabatangan on the east coast.

There were already 13 stations being monitored by the Meteorological Services Department.

Tangau said the department's operations centre in Kota Kinabalu was also being upgraded as part of the improvements.

Universiti Malaysia Sabah geologist Dr Felix Tongkul said the additional stations was "a drastic increase" that would provide a more accurate picture of seismic activities in Sabah.

He said this was necessary because there was still a possibility of major earthquakes occurring in Ranau and Lahad Datu where a magnitude 6.2 temblor struck in 1976.

"It is unlikely that there will be a major earthquake on Mount Kinabalu because much of the energy within the faultlines there were released in the magnitude 6.1 temblor a year ago," he added.

Tongkul said the impact of last year's earthquake would continue to be felt in coming decades, and that the mud floods at rivers along Mount Kinabalu's foothills would be a regular occurrence.

He explained that the earthquake had dislodged boulders, soil and plants along the slopes, and these were being washed into the rivers.

"As a result, levels at Sungai Mesilou, Sungai Kadamaian and Sungai Penataran, that are key water sources for villagers, will continue to remain low," he said.

Sila jual produk anda

Usahawan di bawah dana MOSTI diminta komersialkan hasil penyelidikan untuk kegunaan umum

Oleh LAUPA JUNUS
 laupajunus@hotmail.com



TIADA ada yang tidak kena dengan hasil penyelidikan saintis tempatan di mana mana juga sama ada institusi penyelidikan dan universiti awam atau syarikat persendirian.

Hanya satu masalah yang disering membelenggu mereka iaitu bagaimana menjualnya untuk kegunaan umum kerana penyelidik atau pereka cipta bukan pakar pemasaran dan pengkomersialan.

Justeru, apabila kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperkenalkan Tahun Pengkomersialan sejak 2010 sehinggalah kepada Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2016, ada cabaran besar menanti iaitu sejauh mana pengguna atau rakyat Malaysia secara keseluruhannya menerima produk berkenaan.

Stigma telah lama bersarang dalam kalangan pengguna kita antaranya termasuklah produk import lebih berkualiti berbanding tempatan dan mengagungkan jenama luar negara.

Penyelidik di universiti pula tidak melihat sejauh mana hasil penyelidikan tersebut perlu dijual atau sebaliknya kerana bagi mereka, menerbitkan jurnal dan melahirkan pelajar sarjana dan doktor falsafah lebih penting, sekurang-kurangnya sebagai penanda aras untuk kenaikan pangkat.

Namun bagi MOSTI, tidak ada yang lebih membanggakan apabila duit rakyat yang digunakan untuk penyelidikan menerusi pelbagai dana menghasilkan dua kejayaan iaitu usahawan dan produk untuk kegunaan orang ramai.

Pengumuman telah dibuat beberapa kali sebelum ini, bahawa kementerian berkenaan menjangkakan 145 lagi produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dikomersialkan tahun ini.

Sehingga April lalu, sebanyak 132 daripada 360 produk inovasi yang disasarkan pada 2020, dihasilkan oleh institusi penyelidikan, universiti dan agensi pembangunan teknologi, telah memasuki pasaran.

Ia sejajar dengan matlamat MCY 2016, untuk mengkomersialkan 147 produk sehingga hujung tahun ini. Timbalan Menteri, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, kejayaan hasil R&D bukan dapat dinikmati dalam tempoh masa yang singkat, sebaliknya mengharungi beberapa fasa dan memerlukan dana tertentu mengikut peringkat pengkomersialan.

"Tidak ada saat yang paling menggembirakan (apabila) melihat wang yang kita belanjakan (dana R&D) menghasilkan produk untuk dimanfaatkan," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang akhbar sempena pelancaran tujuh produk syarikat BioNexus



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tiga dari kanan) dan Dr. Zakri Abdul Hamid (empat dari kanan) melancarkan produk BioNexus di ibu negara baru-baru ini.

JUMLAH DANA R&D

- Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) 2005-2010 - **RM2.8 bilion**
- RMK-10 (2010-2015) - **RM998 juta**
- RMK-11 (2016-2020) sehingga April 2016 - **RM47 juta**

sempena persidangan dan pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik edisi ke-14 di ibu negara baru-baru ini.

Beliau berkata, kerja-kerja penyelidikan produk yang dilancarkan itu berkemungkinan dimulakan pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) atau RMK-10 menunjukkan ia mengambil masa panjang untuk dihasilkan sebelum menjadi satu hasil yang boleh dikomersialkan.

Terdahulu dalam ucapannya beliau meminta usahawan yang berhasrat mengkomersialkan produk mereka supaya bermula dari peringkat yang mudah dan perlu belajar dari bawah.


"Mungkin kita perlu merendah diri

dahulu atau mula jual di pasar malam, ujarnya.

Dalam pada itu beliau memberitahu, penganjuran program tersebut adalah sejajar dengan matlamat kementeriannya mengembangkan industri bioteknologi yang diterajui Malaysia Biotechnology Corporation (BiotechCorp) atau nama baharunya BioEconomy dengan pelancaran produk syarikat BioNexus membuktikan kejayaan syarikat industri kecil dan sederhana (IKS).

Penganjuran program kali ini yang dihadiri kira-kira 10,000 pelawat dan 200 pempamer yang bertemakan *Memberi Nilai Tambah Ekonomi Menerusi Teknologi Berasaskan Bio* adalah bertujuan membantu industri bioteknologi berkembang di rantau Asia Pasifik dan sebagai platform berkongsi perkembangan terkini bidang sains dan perniagaan daripada pemain industri.

Pengerusi BiotechCorp, Prof. Tan Sri Zakri Abdul Hamid pula berkata, produk yang dihasilkan oleh syarikat yang diberi



SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 6 JUN 2016 (ISNIN)

taraf BioNexus boleh membantu meningkatkan keyakinan pengguna dan mempromosikan aktiviti ekonomi domestik.

"Produk yang dilancarkan hari ini dapat menyumbangkan hasil dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Janaan hasil daripada syarikat berstatus BioNexus telah meningkat sebanyak 50 peratus dari 2012 hingga 2015 dengan jumlah RM1.53 bilion dicatatkan pada tahun lalu," kata beliau.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif *BioEconomy Corp*, **Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal** berkata, pelancaran produk BioNexus dapat mempercepat



DR. MOHD NAZLEE KAMAL

agenda bioekonomi dengan memfokuskan komoditi perniagaan kepada produk bernilai tinggi dengan diberi nilai tambah dengan memanfaatkan bioteknologi.

"Oleh kerana kita telah memasuki Revolusi Industri Keempat, kita mahu pemain industri berasaskan bio dalam rakyat Malaysia memanfaatkan gabungan teknologi utama seperti bioteknologi, teknologi nano, teknologi digital atau

biologi sintetik untuk menjana produk baharu yang inovatif dan pasaran baharu dan yang sedia ada,"ujarnya.

Kesemua produk hasil keluaran syarikat BioNexus boleh didapati di kedai-kedai *BioShoppe* selain mendapatkan secara atas talian menerusi lazada.com.my



BIOSHOPPE menjadi platform memasarkan produk hasil keluaran syarikat BioNexus.

